

## BAB 5

# PERANAN SKIM DANA WAKAF DALAM PEMBANGUNAN MASYARAKAT ISLAM DI PULAU PINANG

### 5.1 Pendahuluan

Bab ini menganalisa peranan Skim Dana Wakaf dalam pembangunan ekonomi masyarakat Islam di Pulau Pinang. Setelah itu, bab ini akan menganalisa sejauhmana peranan yang telah dimainkan oleh Skim Dana Wakaf dalam pembangunan masyarakat Islam di Pulau Pinang secara menyeluruh.

### 5.2 Peranan Skim Dana Wakaf dalam Pembangunan Ekonomi Masyarakat Islam di Pulau Pinang

Bumiputera di Pulau Pinang yang umumnya adalah beragama Islam merupakan penduduk majoriti, 42 peratus berbanding etnik Cina, 41 peratus dan etnik India, 10 peratus. Namun begitu, pemilikan aset masyarakat Islam masih kecil berbanding etnik Cina dan India<sup>1</sup>. Di sini, institusi wakaf boleh berperanan mengimbangi dan membangunkan ekonomi umat Islam di Pulau Pinang. Harta wakaf boleh digunakan untuk pelbagai tujuan seperti untuk kebajikan, pendidikan, pembangunan dan pelaburan bagi kepentingan besar masyarakat Islam. Harta wakaf yang berjaya dibangunkan menerusi pelbagai projek pembangunan boleh mendatangkan manfaat ekonomi kepada umat Islam secara langsung mahupun tidak langsung<sup>2</sup>.

---


<sup>1</sup> Portal Rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang, <http://www.penang.gov.my/index.php?ch=10&pg=58&ac=409>, 10 Oktober 2010

<sup>2</sup> Asmak Ab Rahman (2009), "Peranan Wakaf dalam Membangunkan Ekonomi Umat Islam dan Aplikasinya di Malaysia", *Jurnal Syariah*, Jil.17, Bil.1, h.113-125 (kertas kerja dibentangkan di International Conference Islamic Economy and Social Justice: Reinforcing Equity for the Common Well-Being di Indonesia pada 24-27 Julai 2008)

Justeru, bagi menganalisa peranan Skim Dana Wakaf dalam membangunkan ekonomi masyarakat Islam di negeri tersebut, penulis telah membahagikannya kepada tiga bahagian, iaitu pembangunan ekonomi, pembangunan kerohanian serta pembangunan sosial dan kebajikan.

Rajah 5.1 menunjukkan taburan agihan Skim Dana Wakaf mengikut tujuan kegunaan, iaitu pembangunan kerohanian, pembangunan ekonomi dan pembangunan sosial dan kebajikan. Peruntukkan terbesar kutipan yang telah diagihkan adalah bagi tujuan pembangunan ekonomi, iaitu berjumlah 59 peratus diikuti dengan peruntukkan bagi pembangunan kerohanian berjumlah 25 peratus dan pembangunan sosial dan kebajikan berjumlah 16 peratus<sup>3</sup>.

Rajah 5.1  
Taburan Agihan Skim Dana Wakaf Mengikut Tujuan Kegunaan  
dari Tahun 1999 hingga Tahun 2009



Sumber: Data Diubahsuai daripada Sistem Maklumat Bersepadu, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dan Temubual dengan Ahmad Syah Firafizal, Pengurus Skim Dana Wakaf di Pejabat Pengurus Skim Dana Wakaf, Tingkat 9, MAINPP pada pukul 10.00am, bertarikh 18 Mac 2010.

Oleh itu, agihan Skim Dana Wakaf yang berjumlah 59 peratus kepada pembangunan ekonomi menunjukkan Skim Dana Wakaf memberi perhatian yang besar kepada

<sup>3</sup>Ahmad Syah Firafizal, Pengurus Skim Dana Wakaf, Bahagian Wakaf, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Temubual di Pejabat Pengurus Skim Dana Wakaf, Tingkat 9, MAINPP pada pukul 10.00am, bertarikh 18 Mac 2010.

pembangunan ekonomi masyarakat Islam di Pulau Pinang. Selain itu, aspek pembangunan kerohanian dan pembangunan sosial dan kebajikan juga dititik beratkan<sup>4</sup>.

### **5.2.1 Peranan Skim Dana Wakaf dalam Pembangunan Ekonomi**

Dalam membangunkan ekonomi masyarakat Islam setempat, Skim Dana Wakaf mensasarkan pembinaan dan pembelian bangunan-bangunan komersil bagi menyediakan tapak perniagaan kepada masyarakat Islam. Di samping meningkatkan pemilikan aset masyarakat Islam, tawaran sewaan tapak-tapak perniagaan ini dengan harga yang berpatutan dan tidak membebankan dilihat dapat membantu menggiatkan aktiviti yang menjana ekonomi masyarakat Islam setempat. Bangunan-bangunan yang telah dibina atau dibeli menerusi Skim Dana Wakaf dapat digunakan sebagai tapak perniagaan mahu pun, premis komersil bagi masyarakat Islam. Menerusi kadar sewa yang berpatutan, masyarakat Islam setempat dapat memulakan sesebuah perniagaan. Bantuan secara tidak langsung menerusi kadar sewa yang berpatutan ini, yang kebiasaannya lebih rendah daripada kadar pasaran dapat mengurangkan kos pengurusan perniagaan atau pun bangunan tersebut<sup>5</sup>.

Sehubungan dengan itu, Skim Dana Wakaf telah membelanjakan sebanyak RM880,000 dengan membeli sebuah premis komersil. Premis tersebut terletak di No.65 Jalan Selat, Taman Selat, 12000, Butterworth, Seberang Perai. Premis tersebut merupakan bangunan pejabat yang mempunyai tiga tingkat dengan keluasan tanah 1,840 kaki persegi. Sehingga kini, premis tersebut telah disewakan kepada Pusat Urus Zakat Pulau Pinang. Pada asalnya Skim Dana Wakaf telah menetapkan kadar sewa RM4,700 bagi setiap tingkat mengikut kadar harga pasaran, namun atas perbincangan antara Pusat Urus

---


<sup>4</sup> *Ibid.*

<sup>5</sup> *Ibid.*

Zakat Pulau Pinang dengan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), kadar sewaan tersebut diturunkan kepada RM 4,700 sebulan untuk keseluruhan bangunan tersebut<sup>6</sup>.

Ini memandangkan Pusat Urus Zakat Pulau Pinang merupakan anak syarikat MAINPP juga memainkan peranan dalam membangunkan sosioekonomi masyarakat Islam di Pulau Pinang<sup>7</sup>. Bangunan tiga tingkat yang disewakan kepada Pusat Urus Zakat Pulau Pinang digunakan sebagai pejabat bagi cawangan Pusat Urus Zakat Pulau Pinang di Taman Selat selain dijadikan tempat penyimpanan barang untuk menjalankan aktiviti-aktiviti pembangunan ekonomi masyarakat Islam bawah Pusat Urus Zakat Pulau Pinang<sup>8</sup>. Rajah 5.2 menunjukkan kegunaan bangunan Pusat Urus Zakat Pulau Pinang di Taman Selat, Butterworth.

Rajah 5.2  
Kegunaan Bangunan Pusat Urus Zakat Pulau Pinang di Taman Selat, Butterworth



Sumber: Diubahsuai daripada temubual dengan Mohd Fauzul Munir bin Abd. Rahim, Pegawai Pentadbiran, Pusat Urus Zakat Pulau Pinang di Ibu Pejabat Pusat Urus Zakat Pulau Pinang, Bandar Perda bertarikh 2 Februari 2011, pada pukul 10.30 pagi

<sup>6</sup> *Ibid*; Mohd Fauzul Munir bin Abd. Rahim, Pegawai Pentadbiran, Pusat Urus Zakat Pulau Pinang. Temubual di ibu pejabat Pusat Urus Zakat Pulau Pinang, Perda, pada pukul 10.30 pagi, bertarikh 2 Februari 2011

<sup>7</sup> *Ibid*. ; *Lihat juga* Laporan Korporat 2008, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, h.19

<sup>8</sup> Mohd Fauzul Munir bin Abd. Rahim, Pegawai Pentadbiran, Pusat Urus Zakat Pulau Pinang. Temubual di Ibu Pejabat Pusat Urus Zakat Pulau Pinang, Bandar Perda bertarikh 2 Februari 2011, pada pukul 10.30 pagi

Di sini, Skim Dana Wakaf telah berperanan secara tidak langsung dengan menyewakan bangunan Skim Dana Wakaf kepada Pusat Urus Zakat Pulau Pinang. Kadar sewaan yang lebih rendah daripada harga pasaran, membolehkan Pusat Urus Zakat Pulau Pinang mengurangkan kos pengurusan di samping mengoptimumkan penggunaan bangunan tersebut sebaiknya dalam menjalankan program-program pembangunan ekonomi masyarakat Islam di Pulau Pinang<sup>9</sup>. Gambar 5.1 dan 5.2 menunjukkan keadaan bangunan Skim Dana Wakaf.

Gambar 5.1  
Bangunan Skim Dana Wakaf yang disewakan kepada Pusat Urus Zakat Pulau Pinang di Taman Selat, Butterworth



Sumber: Kajian Lapangan di Bangunan Skim Dana Wakaf, Taman Selat, Butterworth bertarikh 2 Februari 2011, pada pukul 11.30 pagi

<sup>9</sup>*Ibid.*; Ahmad Syah Firafizal, Pengurus Skim Dana Wakaf, Bahagian Wakaf, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Temubual di Pejabat Pengurus Skim Dana Wakaf, Tingkat 9, MAINPP pada pukul 10.00am, bertarikh 18 Mac 2010.


Gambar 5.2  
Keadaan di Tingkat Satu dalam Bangunan Skim Dana Wakaf yang disewakan kepada Pusat Urus Zakat Pulau Pinang di Taman Selat, Butterworth



Sumber: Kajian Lapangan di Bangunan Skim Dana Wakaf, Taman Selat, Butterworth bertarikh 2 Februari 2011, pada pukul 11.30 pagi

Antara program-program yang dijalankan Pusat Urus Zakat Pulau Pinang dalam membangunkan masyarakat Islam di Pulau Pinang, adalah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 5.3.

Rajah 5.3  
Program-program Pusat Urus Zakat Pulau Pinang



Sumber: Diubahsuai daripada laman web Pusat Urus Zakat Pulau Pinang, <http://www.zakatpenang.com/>, 20 November 2010

Berdasarkan Rajah 5.3, enam daripada tujuh program yang dijalankan oleh Pusat Urus Zakat Pulau Pinang memfokuskan kepada pembangunan ekonomi masyarakat Islam di Pulau Pinang. Program-program pembangunan ekonomi masyarakat Islam yang dijalankan adalah seperti Gerak Asnaf Niaga, Gerak Asnaf Katering, Gerak Asnaf Tani, Gerak Asnaf Jahitan, Gerak Asnaf Kraf dan Produk Usahawan Asnaf Zakat. Program-program ini bertujuan bagi membangunkan modal insan para asnaf dengan meningkatkan kemahiran diri, kecekapan bekerja, dan memberikan pendidikan dan latihan kepada para ansaf melalui bimbingan konsultan profesional. Malah, program-program ini juga turut membuka peluang pekerjaan kepada 109 orang para asnaf sehingga tahun 2011. Di samping itu, program-program yang dijalankan bertujuan melatih serta memberikan pendedahan dalam bidang perniagaan kepada golongan asnaf yang berpotensi dan berminat selain menyediakan platform perniagaan kepada mereka. Sebagai contohnya, Produk Usahawan Asnaf Zakat merupakan penjenamaan kepada produk-produk yang dihasilkan oleh para usahawan yang mendapat bimbingan daripada Pusat Urus Zakat Pulau Pinang ataupun produk-produk yang dihasilkan oleh para usahawan yang menerima bantuan Pusat Urus Zakat Pulau Pinang. Atrium Pusat Urus Zakat Pulau Pinang juga diwujudkan sebagai pusat pengumpulan dan jualan produk-produk asnaf yang dihasilkan melalui program Gerak Asnaf. Menerima bantuan dan bimbingan yang diberikan, para asnaf telah dapat menjana sumber pendapatan mereka, dengan kadar elaun pendapatan yang diberikan sebanyak RM600 sebulan, selain berusaha meningkatkan taraf hidup mereka sebelum ini ke arah yang lebih baik<sup>10</sup>.

---

<sup>10</sup> *Ibid.*; Mohamad Salleh Abdullah, Pengurus Bahagian Ekonomi dan Usahawan, Pusat Urus Zakat Pulau Pinang. Temubual menerusi telefon pada pukul 11.30am, bertarikh 28 September 2011; Program Asnaf Gerak Asnaf Niaga, Pusat Urus Zakat Pulau Pinang, [http://www.zakatpenang.com/index.php?option=com\\_content&view=article&id=86&Itemid=89](http://www.zakatpenang.com/index.php?option=com_content&view=article&id=86&Itemid=89), 20 November 2010; Program Asnaf Gerak Asnaf Katering, Pusat Urus Zakat Pulau Pinang, [http://www.zakatpenang.com/index.php?option=com\\_content&view=article&id=84&Itemid=91](http://www.zakatpenang.com/index.php?option=com_content&view=article&id=84&Itemid=91), 20 November 2010; Program Asnaf Gerak Asnaf Jahitan, Pusat Urus Zakat Pulau Pinang, [http://www.zakatpenang.com/index.php?option=com\\_content&view=article&id=83&Itemid=113](http://www.zakatpenang.com/index.php?option=com_content&view=article&id=83&Itemid=113), 20 November 2010; Program Asnaf Gerak Asnaf Tani, Pusat Urus Zakat Pulau Pinang, [http://www.zakatpenang.com/index.php?option=com\\_content&view=article&id=85&Itemid=114](http://www.zakatpenang.com/index.php?option=com_content&view=article&id=85&Itemid=114), 20 November 2010; Program Asnaf Gerak Asnaf Kraf, Pusat Urus Zakat Pulau Pinang, [http://www.zakatpenang.com/index.php?option=com\\_content&view=article&id=87&Itemid=115](http://www.zakatpenang.com/index.php?option=com_content&view=article&id=87&Itemid=115), 20 November 2010; Program Produk Usahawan Asnaf Zakat, Pusat Urus Zakat Pulau Pinang, [http://www.zakatpenang.com/index.php?option=com\\_content&view=article&id=88&Itemid=116](http://www.zakatpenang.com/index.php?option=com_content&view=article&id=88&Itemid=116), 20 November 2010

Pelaksanaan program-program ini adalah bertepatan dengan matlamat-matlamat pembangunan ekonomi yang telah disarankan oleh sarjana Islam. Menerusi kadar sewa yang lebih rendah, Pusat Urus Zakat Pulau Pinang dapat mengurangkan kos pengurusan pejabat dan stor bagi menjalankan program-program pembangunan ekonomi masyarakat Islam setempat. Justeru ini bersesuaian dengan matlamat Skim Dana Wakaf untuk membangunkan ekonomi masyarakat Islam di Pulau Pinang<sup>11</sup>.

### **5.2.2 Peranan Skim Dana Wakaf dalam Pembangunan Kerohanian**

Berdasarkan Rajah 5.1, didapati bahawa sebanyak RM365,000 telah diagihkan bagi tujuan pembangunan kerohanian masyarakat Islam di Pulau Pinang. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM355,000 telah digunakan bagi pembelian aset berupa tanah di Lot 886 dengan keluasan 5231 kaki persegi dan Lot 887 dengan keluasan 6491 kaki persegi. Tanah tersebut yang terletak di Mukim 11, Daerah Barat Daya. Skim Dana Wakaf membeli tanah tersebut bagi membina sebuah masjid sebagai tempat beribadah masyarakat Islam di kawasan tersebut yang dinamakan sebagai Masjid Ridwaniah<sup>12</sup>.

Antara faktor pembinaan masjid tersebut adalah disebabkan keadaan surau yang uzur tambahan pula jarak masjid yang berhampiran dengan kawasan tersebut agak jauh menyukarkan penduduk untuk solat berjemaah. Justeru, pembinaan masjid di kawasan tersebut bukan sahaja dapat memudahkan masyarakat Islam setempat untuk solat berjemaah malah aktiviti kemasyarakatan yang lain turut dapat dijalankan. Tambahan pula, pembelian tanah ini turut menambah aset masyarakat Islam di kawasan Pulau<sup>13</sup>.

---

<sup>11</sup>Ahmad Syah Firaizal, Pengurus Skim Dana Wakaf, Bahagian Wakaf, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Temubual di Pejabat Pengurus Skim Dana Wakaf, Tingkat 9, MAINPP pada pukul 10.00am, bertarikh 31 Mac 2010

<sup>12</sup> Ahmad Syah Firaizal, Pengurus Skim Dana Wakaf, Bahagian Wakaf, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Temubual di Pejabat Pengurus Skim Dana Wakaf, Tingkat 9, MAINPP pada pukul 10.00am, bertarikh 18 Mac 2010

<sup>13</sup> *Ibid.*



Gambar 5.3 hingga Gambar 5.5 menunjukkan keadaan Masjid Ridwaniah daripada bahagian luar dan dalam masjid.

Gambar 5.3  
Keadaan Hadapan Masjid Ridwaniah di Daerah Barat Daya, Pulau Pinang



Sumber: Kajian Lapangan di Masjid Ridwaniah, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang bertarikh 28 Januari 2011, pada pukul 3.30 petang

Gambar 5.4  
Keadaan di dalam Masjid Ridwaniah di Daerah Barat Daya, Pulau Pinang



Sumber: Kajian Lapangan di Masjid Ridwaniah, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang bertarikh 28 Januari 2011, pada pukul 3.30 petang

Gambar 5.5

Keadaan tempat wudu' di Masjid Ridwaniah di Daerah Barat Daya, Pulau Pinang



Sumber: Kajian Lapangan di Masjid Ridwaniah, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang bertarikh 28 Januari 2011, pada pukul 3.30 petang

Selain itu, terdapat juga sebuah bangunan yang digunakan bagi menjalankan kelas pengajian Al-Quran dan Fardhu 'Ain (KAFA) di hadapan masjid tersebut yang telah dibina rentetan daripada pembinaan masjid tersebut. Bangunan ini dibina menerusi pembiayaan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP)<sup>14</sup>. Gambar 5.6 dan 5.7 menunjukkan bangunan sekolah tersebut yang juga didirikan atas tanah wakaf. Manakala Gambar 5.8 dan 5.9 menunjukkan keadaan dalam kelas dan kemudahan yang disediakan di sekolah tersebut.

---

<sup>14</sup> *Ibid.*

Gambar 5.6  
Bangunan Sekolah KAFA di hadapan Masjid Ridwaniah  
di Daerah Barat Daya, Pulau Pinang



Sumber: Kajian Lapangan di Masjid Ridwaniah, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang bertarikh 28 Januari 2011, pada pukul 3.30 petang

Gambar 5.7  
Keadaan dalam bangunan Sekolah KAFA di hadapan Masjid Ridwaniah di Daerah  
Barat Daya, Pulau Pinang



Sumber: Kajian Lapangan di Masjid Ridwaniah, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang bertarikh 28 Januari 2011, pada pukul 3.30 petang

Gambar 5.8  
Keadaan dalam Kelas dalam bangunan Sekolah KAFA di hadapan Masjid Ridwaniah di Daerah Barat Daya, Pulau Pinang



Sumber: Kajian Lapangan di Masjid Ridwaniah, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang bertarikh 28 Januari 2011, pada pukul 3.30 petang

Gambar 5.9  
Kemudahan yang disediakan dalam kawasan Sekolah KAFA di hadapan Masjid Ridwaniah di Daerah Barat Daya, Pulau Pinang



Sumber: Kajian Lapangan di Masjid Ridwaniah, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang bertarikh 28 Januari 2011, pada pukul 3.30 petang

Selain itu, Skim Dana Wakaf telah menyumbangkan RM 10,000 bagi menampung pembiayaan pembinaan surau di Sekolah Kebangsaan Penaga, 13100, Seberang Perai, Pulau Pinang. Pembinaan surau yang menelan belanja keseluruhan RM65,000 itu mula dibina pada Januari 2010 dan telah siap untuk digunakan pada Mac 2010. Menurut Tuan Haji Mohamed Abd. Majid, Pengetua Sekolah Kebangsaan Penaga, surau tersebut dapat menampung seramai hampir 350 pelajarnya dan digunakan sebagai tempat sembahyang. Selain itu, surau tersebut juga digunakan bagi mengadakan kelas-kelas pengajian Al-Quran dan Fardhu ‘Ain, kuliah agama dan program-program motivasi sekolah. Ini memudahkan pihak sekolah menjalankan aktiviti kerohanian dan mendidik para pelajar muslim asas-asas Fardhu ‘Ain<sup>15</sup>. Gambar 5.10 sehingga 5.13 menunjukkan keadaan di luar dan di dalam bangunan surau Sekolah Kebangsaan Penaga.

Gambar 5.10  
Bangunan surau Sekolah Kebangsaan Penaga di Seberang Perai, Pulau Pinang



Sumber: Kajian Lapangan di surau Sekolah Kebangsaan Penaga, Seberang Perai, Pulau Pinang bertarikh 6 Mei 2010 pada pukul 11.00 pagi

<sup>15</sup> *Ibid.*; Tuan Haji Mohamed Abd. Majid, Pengetua Sekolah Kebangsaan Penaga. Temubual di Pejabat Pengetua Sekolah Kebangsaan Penaga, 13100, Penaga, Seberang Perai, Pulau Pinang pada pukul 11.00 pagi bertarikh 6 Mei 2010

Gambar 5.11  
Keadaan dalam surau Sekolah Kebangsaan Penaga di Seberang Perai



Sumber: Kajian Lapangan di surau Sekolah Kebangsaan Penaga, Seberang Perai, Pulau Pinang bertarikh 6 Mei 2010 pada pukul 11.00 pagi

Gambar 5.12  
Sudut bacaan dalam surau Sekolah Kebangsaan Penaga di Seberang Perai



Sumber: Kajian Lapangan di surau Sekolah Kebangsaan Penaga, Seberang Perai, Pulau Pinang bertarikh 6 Mei 2010 pada pukul 11.00 pagi

Gambar 5.13  
Sudut bacaan dalam surau Sekolah Kebangsaan Penaga di Seberang Perai



Sumber: Kajian Lapangan di surau Sekolah Kebangsaan Penaga, Seberang Perai, Pulau Pinang bertarikh 6 Mei 2010 pada pukul 11.00 pagi

Skim Dana Wakaf berperanan dalam membangunkan kerohanian masyarakat Islam menerusi sumbangan yang diberikan bagi mendirikan Masjid Ridhwaniah dan surau Sekolah Kebangsaan Penaga. Masjid dan surau yang dijadikan sebagai tempat ibadah, dan tempat pengajian agama dapat meningkatkan aspek kerohanian dan membentuk akhlak yang baik bagi individu. Peningkatan kerohanian dan akhlak adalah penting dalam membangunkan sumber manusia secara menyeluruh, memandangkan pengabaian kepadanya boleh membawa kesan yang negatif dalam proses pembangunan ekonomi seperti yang diterangkan dalam Bab 3. Justeru, sumbangan yang diberikan oleh Skim Dana Wakaf dalam menyediakan prasarana yang sempurna dengan mendirikan masjid dan surau turut menyumbang kepada pembangunan ekonomi masyarakat Islam, di samping menambah pemilikan aset masyarakat Islam di Pulau Pinang.<sup>16</sup>

---

<sup>16</sup> Ahmad Sarji Abdul Hamid (2008), "Indeks Pembangunan Ummah di Malaysia", (Kertas kerja dalam Expert Consultation on "A Fresh Dimension To Development: An Islamic Approach" di Dewan Besar, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Kuala Lumpur), 21 Oktober 2008, dipetik daripada buku "Sekadar Bependapat-Koleksi Ucapan YABhg. Tun Dato' Seri Ahmad Sarji bin Abdul Hamid", terbitan IKIM 2005, h.35-61; Surtahman Kastin Hassan dan Sanep Ahmad (2005), *op.cit.*, h.323; Nik Mustapha Nik Hassan dan Syed Omar Syed Agil ed. (1994), *Pembangunan Ummah Ke Arah Wawasan 2020*, Wan Mokhtar Ahmad, "Terengganu Ke Arah Masa Hadapan Yang Gemilang", (Koleksi Kertas kerja Seminar Islam dan Pembangunan anjuran IKIM dan Kerajaan Negeri Terengganu), 9-10 April 1994, h.4

### 5.2.3 Peranan Skim Dana Wakaf dalam Pembangunan Sosial dan Kebajikan

Skim Dana Wakaf telah menyumbang dalam membangunkan sosial dan kebajikan masyarakat Islam di Pulau Pinang. Sebanyak RM 235,500 telah dibelanjakan bagi meringankan beban masyarakat Islam, antaranya bagi membantu persatuan dan kariah masjid<sup>17</sup>.

Pada tahun 2003, Skim Dana Wakaf telah menyumbangkan RM 150,000 kepada Kelab Sukan Pemuda Islam Pulau Pinang (Young Muslim Sports Club, YMSC)<sup>18</sup> bagi mengurangkan tanggungan perbelanjaan pengubah suaian bangunan persatuan tersebut. Bangunan persatuan tersebut yang bernilai RM355,000 ditambah dengan kos pengubah suaian RM500,000 dan kos-kos lain seperti khidmat guaman, cukai, perabot dan kelengkapan elektrik yang keseluruhannya telah menelan belanja RM 1 juta. Oleh yang demikian, pihak persatuan telah mengumpulkan sumbangan daripada syarikat-syarikat, para usahawan dan orang ramai bagi membiayai kos tersebut. Namun, dana yang dikumpul masih belum mencukupi. Justeru itu, pihak persatuan membuat permohonan bantuan kewangan daripada Skim Dana Wakaf<sup>19</sup>.

Bangunan persatuan ini terdiri daripada empat tingkat yang dibahagikan untuk pelbagai kegunaan. Tingkat bawah dan tingkat kedua digunakan sebagai ruang sembahyang jemaah lima waktu. Tingkat-tingkat ini dilengkapi dengan peralatan siaraya multimedia (LCD) bagi kegunaan seperti kuliah agama dan motivasi. Tingkat ketiga pula digunakan sebagai bilik mesyuarat, bilik tuisyen, bilik komputer dan kelas tajwid. Manakala,

---

<sup>17</sup> Ahmad Syah Firafizal, Pengurus Skim Dana Wakaf, Bahagian Wakaf, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Temubual di Pejabat Pengurus Skim Dana Wakaf, Tingkat 9, MAINPP pada pukul 10.00am, bertarikh 18 Mac 2010.


<sup>18</sup> Hampir 600 orang ahli yang majoritinya merupakan pemuda-pemuda masyarakat India Muslim di Pulau Pinang. Rujuk Laman Young Muslim Sports Club (YMSC) (2011), <http://www.ymsc.org.my/keahlian.html>, 24 September 2011

<sup>19</sup> *Ibid.*



tingkat empat digunakan sebagai kelas karate, aktiviti riadah dan dewan serbaguna<sup>20</sup>. Dewan serbaguna ini telah disediakan untuk kemudahan orang ramai dengan kadar sewa yang berpatutan, iaitu RM200. Kadar sewa yang dikenakan bertujuan untuk mengisi dana persatuan bagi penyelenggaraan bangunan dan aktiviti-aktiviti persatuan<sup>21</sup>. Rajah 5.4 menunjukkan kegunaan bangunan YMSC mengikut tingkat.

Rajah 5.4  
Kegunaan bangunan YMSC Mengikut Tingkat



Sumber: Diubahsuai daripada Laman Young Muslim Sports Club (YMSC) (2011), <http://www.ymsc.org.my/bangunan.html>, 24 September 2011; Ahmad Syah Firaizal (2010), Pengurus Skim Dana Wakaf, Bahagian Wakaf, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang. Temubual di Pejabat Pengurus Skim Dana Wakaf, Tingkat 9, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang pada pukul 10.00am, bertarikh 18 Mac 2010 dan Kertas kerja YMSC kepada Skim Dana Wakaf MAINPP

Gambar 5.14  
Kelas Komputer di bangunan Young Muslim Sports Club (YMSC)



Sumber: Dipetik daripada laman daripada Laman Young Muslim Sports Club (YMSC) (2011), <http://www.ymsc.org.my/kelas-komputer.html>, 24 September 2011

<sup>20</sup> *Ibid.*

<sup>21</sup> Haji Munower Sadiq Bin M.K.E Kader Sultan (2011), Presiden Young Muslim Sports Club (YMSC), 27, Lebuhr King, 10200, Georgetown, Pulau Pinang. Temubual menerusi perbualan telefon pada pukul 2.34pm, bertarikh 25 September 2011; Laman Young Muslim Sports Club (YMSC) (2011), <http://www.ymsc.org.my/bangunan.html>, 24 September 2011

Menerusi bantuan Skim Dana Wakaf, pihak persatuan telah dapat memiliki sebuah bangunan persatuan. Bangunan persatuan ini berjaya digunakan secara optimum dalam menyediakan kemudahan kepada masyarakat Islam dalam pelbagai aspek dan sekaligus menyumbang kepada pembangunan modal insan masyarakat Islam di kawasan tersebut. Kemudahan tempat pengajian agama, kelas tuisyen, bilik komputer dan kelas tajwid merupakan kemudahan pendidikan yang disediakan bagi membantu meningkatkan ilmu pendidikan dan kemahiran, manakala ruang ibadah yang disediakan untuk solat berjemaah, kuliah agama dan motivasi berfungsi dalam membangunkan kerohanian masyarakat. Bagi mencapai matlamat pembangunan ekonomi Islam yang menyeluruh, pembangunan fizikal sumber manusia menerusi peningkatan pendidikan dan kemahiran individu, dan juga pembangunan kerohanian turut dititik beratkan. Kemudahan kelas karate dan aktiviti riadah bagi meningkatkan kesihatan fizikal juga adalah penting untuk melahirkan sumber manusia yang sihat<sup>22</sup>.

Selain itu, menerusi bayaran sewa dewan serbaguna, pihak persatuan dapat menjana pendapatan untuk dana persatuan. Dana persatuan ini diperuntukkan bagi tujuan penyelenggaraan bangunan dan membiayai aktiviti-aktiviti persatuan yang dijalankan. Berbanding dengan sebelum memiliki bangunan persatuan sendiri, YMSC hanya menjalankan aktiviti-aktiviti dengan menumpang di premis persatuan lain. Walau bagaimanapun, setelah memiliki bangunan persatuan sendiri, YMSC dapat menjalankan aktiviti-aktiviti dan program pembangunan dengan lebih kerap dan tersusun, malah berupaya menjana pendapatan untuk persatuan. Justeru, Skim Dana Wakaf berperanan dalam membangunkan sosial dan kebajikan masyarakat Islam setempat dengan

---

<sup>22</sup> *Ibid.*

membantu pihak persatuan YMSC mewujudkan kemudahan-kemudahan yang disediakan<sup>23</sup>.

Pada 3 September 1995, Skim Dana Wakaf juga telah menyumbangkan RM 85,500 bagi membeli sebuah rumah di alamat No 2, Lorong Masjid, Bagan Ajam, Butterworth dan terletak bersebelahan dengan Masjid Jamek Bagan Ajam. Rumah tersebut pada asalnya telah dibeli oleh Jawatankuasa Kebajikan Anak Kariah masjid tersebut setelah dilelong oleh pihak bank. Pembelian rumah tersebut bertujuan bagi menjaga masalah masyarakat Islam di kawasan tersebut, memandangkan rumah tersebut berhampiran dengan masjid dan menjadi laluan utama masyarakat Islam untuk ke masjid. Justeru sekiranya rumah tersebut dibeli oleh orang bukan Islam, dikhuatiri akan menjejaskan aktiviti masjid tersebut<sup>24</sup>.

Gambar 5.15  
Rumah Kepunyaan Jawatankuasa Kebajikan Anak Kariah Masjid Jamek Bagan Ajam



Sumber: Kajian Lapangan di Masjid Bagan Ajam bertarikh 27 Mei 2010 pada pukul 2.00 petang

Menerusi sumbangan orang ramai hanya RM 10 ribu sahaja yang dapat diikutip bagi membayar kos pembelian rumah tersebut. Oleh itu, salah seorang penduduk tersebut

<sup>23</sup> *Ibid.*

<sup>24</sup> *Ibid.*; Cikgu Haji Ahmad bin Zainol, Bekas Pengerusi Kariah Masjid Bagan Ajam. Temubual di rumah beliau beralamat di Lorong Masjid Bagan Ajam, Butterworth bertarikh 27 Mei 2010 pada pukul 2.00 petang.

telah membuat pinjaman dengan Bank Persatuan sebanyak RM 60 ribu bagi melangsaikan pembayaran rumah tersebut dengan Bank Persatuan. Namun disebabkan bebanan kewangan untuk melangsaikan bayaran kepada Bank Persatuan, jawatankuasa kariah telah melancarkan kutipan sumbangan di beberapa buah negeri termasuklah Pulau Pinang, Kedah dan Perak. Walau bagaimanapun, kutipan sumbangan tersebut masih belum mencukupi, justeru jawatankuasa kariah telah membuat permohonan memohon sumbangan daripada Skim Saham Wakaf Pulau Pinang (sebelum bertukar nama kepada Skim Dana Wakaf). Pada 3 September 1995, Skim Saham Wakaf telah menyumbang sebanyak RM 85,500 bagi menyelesaikan kemelut yang dihadapi oleh jawatankuasa kariah. Menerusi sumbangan tersebut, Skim Dana Wakaf telah berjaya membantu jawatankuasa kariah Masjid Jamek Bagan Ajam dan menambah pemilikan aset masyarakat Islam di kawasan setempat.<sup>25</sup>

Pada mulanya rumah tersebut digunakan bagi menjalankan aktiviti masjid dan kelas KAFKA, namun setelah kelas tersebut berpindah tempat maka rumah tersebut dijadikan sebagai rumah sewa, dengan kadar sewaan RM400 sebulan. Kadar sewa tersebut dibahagikan kepada dua bahagian dan diserahkan untuk tabung masjid sebanyak RM200, dan selebihnya iaitu RM200 diserahkan kepada MAINPP. Setelah dua tahun, MAINPP menyerahkan keseluruhan pengurusan rumah tersebut kepada pihak kariah masjid. Oleh itu, pihak kariah masjid mendapat kadar sewaan secara penuh dan wang tersebut dimasukkan ke dalam tabung masjid bagi kegunaan aktiviti-aktiviti masjid. Justeru, pihak kariah masjid dapat menjana pendapatan masjid menerusi bayaran sewa tersebut<sup>26</sup>.

---

<sup>25</sup> *Ibid.*

<sup>26</sup> *Ibid.*

### **5.3 Perancangan yang akan dilaksanakan dalam agihan Skim Dana Wakaf**

Menurut Pengurus Skim Dana Wakaf, setakat ini agihan Skim Dana Wakaf diberikan setelah permohonan sumbangan diluluskan oleh Jawatankuasa Skim Dana Wakaf. Oleh itu, buat masa ini masih tiada perancangan dalam menetapkan agihan ini<sup>27</sup>. Namun begitu, ada hasrat daripada ahli Majlis MAINPP yang mencadangkan penubuhan pusat kesihatan seperti klinik atau hospital di bawah Skim Dana Wakaf ini. Ini kerana masalah kesihatan mempunyai kaitan dengan peningkatan kualiti hidup masyarakat dan pembangunan ekonomi. Memandangkan masyarakat yang sihat dapat bekerja dan menyara keluarga, menghasilkan pekerjaan yang bermutu dan berdaya kecekapan yang tinggi<sup>28</sup>.

### **5.4 Kesimpulan**

Hasil kajian menunjukkan Skim Dana Wakaf berperanan dalam membangunkan ekonomi masyarakat Islam di Pulau Pinang. Ini dibuktikan dengan peranan yang dimainkan oleh Skim Dana Wakaf dengan membeli aset berupa sebuah bangunan pejabat tiga tingkat, sebuah rumah, dan dua buah lot tanah dengan keluasan 11,722 kaki persegi, dan membiayai sebahagian dana bagi membina surau dan membeli sebuah bangunan persatuan. Menerusi pembelian dan pembinaan aset ini, Skim Dana Wakaf telah menyewakan sebuah bangunan pejabat dan menyerahkan aset-aset yang lain kepada jawatankuasa masyarakat Islam setempat untuk kemudahan masyarakat Islam setempat. Bangunan pejabat tiga tingkat yang telah disewakan kepada Pusat Urus Zakat Pulau Pinang telah membantu mengurangkan kos pengurusan mereka. Manakala, bangunan persatuan, rumah dan tanah yang telah diserahkan telah digunapakai sebagai

---

<sup>27</sup> Ahmad Syah Firafizal, Pengurus Skim Dana Wakaf, Bahagian Wakaf, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Temubual di Pejabat Pengurus Skim Dana Wakaf, Tingkat 9, MAINPP pada pukul 10.00am, bertarikh 18 Mac 2010.

<sup>28</sup>Shahril Shahrom, Ketua Bahagian Pentadbiran & Kewangan, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang. Temubual di Pejabat Pengurus Skim Dana Wakaf, Tingkat 9, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang pada pukul 10.00am, bertarikh 31 Mac 2010.

kemudahan awam masyarakat Islam setempat. Kemudahan-kemudahan tersebut telah digunakan untuk aktiviti pembangunan kerohanian, pendidikan, sosial dan kebajikan yang amat penting dalam membangunkan sumber manusia masyarakat Islam setempat. Selain itu, kemudahan yang ada turut digunakan bagi menjana pendapatan kepada dana persatuan. Ini memudahkan masyarakat Islam daripada perlu menyewa dengan harga yang lebih tinggi atau menggunakan kemudahan yang berada jauh daripada kawasan mereka. Prasarana ibadah, premis perniagaan, pendidikan dan tempat kegiatan sosial yang disediakan oleh Skim Dana Wakaf telah digunakan secara optimum oleh masyarakat Islam untuk pelbagai aktiviti-aktiviti berfaedah. Pembangunan ekonomi yang menyeluruh bukan sahaja melihat kepada peningkatan dalam aspek ekonomi, malah aspek kualiti hidup juga turut diambil kira. Justeru, aktiviti-aktiviti pembangunan sumber manusia yang dijalankan oleh pihak jawatankuasa kariah dan persatuan juga dapat membantu kepada peningkatan pendidikan dan sosial masyarakat Islam setempat. Peningkatan ini juga secara tidak langsung bakal menyumbang kepada peningkatan kualiti hidup penduduk Pulau Pinang. Ini akan memberi kesan kepada HDI Malaysia yang sebelum ini mencatat paras 0.744 kepada paras yang lebih baik.